

23/05/1997

Mahathir perjas langkah Bank Negara

Karim Sulaiman in London

LONDON, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) terpaksa mengehadkan pemberian pinjaman kepada sektor hartanah dan pembelian saham bagi mengelakkan keruntuhan pasaran hartanah negara.

Menurut Perdana Menteri, walaupun tidak ada tanda keruntuhan itu akan berlaku dalam masa dekat, langkah itu adalah sebagai amaran dan tindakan awal.

"BNM perlu memberi amaran itu sebelum terlewat sehingga tidak ada yang boleh dilakukan untuk menyelamatkannya. Dengan bertindak lebih awal, kita berharap dapat mengelakkan daripada kemungkinan keruntuhan sektor hartanah.

"Kita pernah mengalami masalah pada 1985 apabila berlaku keruntuhan pasaran, kita berjaya mengatasinya, tetapi membabitkan jumlah wang yang besar.

"Mengetahui dan melihat perkembangan di Tokyo, Hong Kong dan sekarang Bangkok, kita perlu memberi amaran supaya orang ramai tidak meletakkan apa saja dalam sektor hartanah," katanya pada sesi soal jawab di majlis makan tengah hari anjuran Caspian Securities Ltd di sini, semalam.

Ini adalah kali pertama Dr Mahathir mengulas mengenai isu berkenaan sejak ramai pihak yang bersungut dan kurang puas hati dengan tindakan BNM mengenakan syarat baru itu.

Pelbagai rungutan timbul berikutan langkah Bank Pusat mengehadkan pemberian pinjaman oleh institusi perbankan kepada paras 20 peratus untuk sektor hartanah dan mengekalkan paras 15 peratus bagi pinjaman untuk pembelian saham berkuatkuasa 1 April lalu.

Garis panduan baru itu turut dikaitkan dengan kejatuhan teruk Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dalam tempoh enam bulan, pada minggu pertama pengumuman mengenainya dibuat 28 Mac lalu.

Menurut penganalisis pasaran saham di Kuala Lumpur, BSKL kerugian sekurang-kurang RM100 bilion nilai harga saham sejak pengumuman Bank Negara itu.

Dr Mahathir berkata, pada masa ini keadaannya tidak membimbangkan, tetapi tindakan segera perlu diambil sebelum terlewat.

Menurutnya, keadaannya pasaran hartanah negara sekarang tidak membahayakan sehingga ramai yang kehilangan wang seperti yang berlaku di negara lain.

"Mereka kerugian kerana pasaran saham, sektor hartanah tidak terjejas lagi tetapi kita perlu memberi amaran ini.

"Jika orang ramai hilang kepercayaan, harga akan jatuh dan bank mula meminta bayaran pinjaman dan orang ramai akan kerugian. Sehubungan itu, kita memberi amaran pada ketika kita tidak menghadapi bahaya seperti yang dialami di negara lain," katanya.

Perdana Menteri juga menjelaskan mengenai kejayaan sekitar 300 syarikat milik kerajaan di Malaysia.

Sebagai satu petua, katanya, kerajaan perlu menentukan semua kakitangan badan yang akan diswastakan itu tidak akan kehilangan pekerjaan.

Dr Mahathir berada di sini dalam rangka lawatan rasmi selama lima hari untuk mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC), semalam turut melawat Hospital St Mary di sini.

Di hospital itu, Dr Mahathir diberi taklimat mengenai perkembangan dan penggunaan teleperubatan, salah satu aplikasi MSC.

Dalam taklimat itu, beliau ditunjukkan faedah penggunaan teleperubatan dengan menyaksikan secara langsung beberapa pembedahan yang dipancarkan melalui siaran video.

Mengenai MSC, beliau berkata tidak timbul soal kekurangan pekerja berpengetahuan untuk mengisi jawatan yang diwujudkan oleh pelbagai industri di pusat multimedia itu.

"Ini kerana semua syarikat yang melabur dalam MSC bebas membawa pekerja dari luar tanpa menghadapi masalah yang lazimnya dikaitkan dengan pihak imigresen," katanya.

(END)